



**PEKELILING PENGARAH TANAH
DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

BAHAGIAN 3

**PEMILIKAN TANAH OLEH
WARGANEGARA /
SYARIKAT ASING**

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH
WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 3 TAHUN 2009 (M)**

**MAKLUMAN KEPADA KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
BERKENAAN PENGESAHAN LAPORAN NILAIAN HARTANAH
(KEDIAMAN / PERNIAGAAN) YANG HENDAK DIPINDAHMILIK KEPADA
WARGA ASING**

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah dan pihak yang berkenaan mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Kertas HAL-HAL LAIN, 10.4: berkaitan “**Pengesahan Laporan Nilaian Hartanah (Kediaman / Perniagaan) Yang hendak DiPindah milik Kepada Warga Asing**” bertarikh 06 Mei 2009.

2. Cabutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut seperti berikut :-
 - a) **Bersetuju semua permohonan oleh warga asing untuk memiliki hartanah (Kediaman / Perniagaan) di Negeri Kedah yang mensyaratkan nilaiang tersebut dan disahkan oleh Penilai Berlesen atau Jabatan Perkhidmatan dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan laporan tersebut hendaklah disertakan semasa permohonan di Pentadbiran Tanah.**

 - b) **Bersetuju supaya Dato' Pengarah Tanah Dan Galian Negeri memastikan keputusan ini dipatuhi.”**

3. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah sebagai memaklumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kertas HAL-HAL LAIN bertarikh 06 Mei 2009 dan berkuatkuasa **serta merta**.

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HJ. MUHAMMAD NOR BIN HAJI ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman.

No. Fail : PTG.KED.U / 33 (P) / 2009

Bertarikh : 28 Jamadilakhir, 1430

Bersamaan : 22 Jun 2009



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 1 TAHUN 2010 (WA)**

**MAKLUMAN KEPADA KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
BERHUBUNG DENGAN CADANGAN PINDAAN PENINGKATAN NILAI HAD
MINIMUM DALAM DASAR PEMEROLEHAN TANAH OLEH
WARGANEGARA / SYARIKAT ASING BAGI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbiran Tanah dan pihak yang berkenaan mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Kertas No. 6(E)148/2010 berkaitan “**Cadangan Pindaan Peningkatan Berhubung Dengan Cadangan Pindaan Peningkatan Nilai Had Minimum Dalam Dasar Pemerolehan Tanah Oleh Warganegara / Syarikat Asing Bagi Negeri Kedah Darul Aman**” bertarikh 05 Mei 2010.
2. Cabutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut seperti berikut:-
 - a) Bersetuju peningkatan nilai had minimum harga perolehan unit kediaman / komersil oleh kepentingan asing ditingkatkan kepada RM500,000.00 dan ke atas seunit berkuatkuasa 01 Januari 2010.
 - c) Bersetuju supaya dibatalkan nilai had minimum di dalam Dasar Pemerolehan Tanah Oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing bagi Negeri Kedah Darul Aman yang menetapkan harga minima seunit rumah kediaman hendaklah tidak kurang daripada RM250,000.00.”

3. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah sebagai memaklumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kertas No. 6(E) 148/2010 bertarikh 05 Mei 2020 dan berkuatkuasa **01 Januari 2010**.

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman

No. Fail : PTG.KED.U / 33 (P) / 2009

Bertarikh : 17 Syaaban, 1431

Bersamaan : 29 Julai 2010



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 1 TAHUN 2014**

**MAKLUMAN KEPADA KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
BERHUBUNG DENGAN CADANGAN PINDAAN PENINGKATAN NILAI HAD
MINIMUM DALAM DASAR PEMEROLEHAN TANAH OLEH
WARGANEGARA/SYARIKAT ASING BAGI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

1. TUJUAN

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbiran Tanah dan pihak yang berkenaan mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Kertas No. 6(F)280/2014 berkaitan “**Cadangan Pindaan Peningkatan Berhubung Dengan Cadangan Pindaan Peningkatan Nilai Had Minimum Dalam Dasar Pemerolehan Tanah Oleh Warganegara/ Syarikat Asing Bagi Negeri Kedah Darul Aman**” bertarikh 09 Julai 2014.

2. KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT

2. Cabutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut seperti berikut:-

“ a) **Bersetuju peningkatan nilai had minimum harga perolehan harta tanah oleh kepentingan asing ditingkat daripada RM500,000.00 kepada RM1,000,000.00 dan ke atas seunit sebagaimana pengumuman Bajet 2014 berkuatkuasa 01 Mac 2014.**

- b) Bersetuju supaya dibatalkan nilai had minimum di dalam Dasar Pemerolehan Tanah Oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing bagi Negeri Kedah Darul Aman yang telah dinaikkan daripada RM250,000.00 kepada RM500,000.00 berkuatkuasa pada 02 Januari 2010 yang lalu.
- c) Bersetuju nilai had minimum ini tidak termaktub kepada surat perjanjian jual beli yang telah dibuat sebelum 01 Mac 2014.

3. TARIKH KUATKUASA

3. Pekeliling ini adalah sebagai memaklumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kertas No. 6(F)280/2014 bertarikh 09 Julai 2014 dan berkuatkuasa **01 Mac 2014**.

**(DATIN PADUKA DATO' HAJJAH CHE BARNI BT. HJ. MOHD NOOR,
DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Kedah Darul Aman.**

No. fail : PTG. KED. U / 33 (P) / 2009

Bertarikh : 21 Zulkaedah 1435

Bersamaan : 16 Oktober 2014



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 2 TAHUN 2014**

**PEMILIKAN TANAH OLEH WARGANEGARA/SYARIKAT ASING BAGI NEGERI
KEDAH DARUL AMAN.**

1. TUJUAN

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah dan Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah Kedah berkenaan Garis Panduan Mengenai Pemilikan Tanah Oleh Warganegara/Syarikat Asing di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Bil. 1 Tahun 1995 - Pemilikan Tanah Oleh Warganegara/Syarikat Asing di Negeri Kedah Darul Aman berkaitan tanah-tanah yang diwarisi. [selepas ini disebut Garis Panduan Warganegara Asing tersebut]

**2. LATAR BELAKANG PINDAAN BAGI AKTA A1104 KANUN TANAH
NEGARA (PINDAAN) 2001 [selepas ini disebut sebagai *Akta A1104*]**

2.1 Sebelum pindaan *Akta A1104*, Garis Panduan Warganegara/Syarikat Asing tersebut memperuntukan bahawa:

“Warganegara Asing dibenarkan memiliki semua jenis tanah yang diwarisi, dan bagi tanah dalam Rizab Melayu hendaklah pewaris diiktirafkan sebagai ‘Melayu’ di bawah Seksyen 19, Undang-Undang 63 (Tanah Simpanan Bagi Orang-Orang Melayu).”

2.2 Setelah pindaan Akta A1104 yang berkuat kuasa pada 01 Disember 2001 dengan meminda peruntukan Seksyen 433A, 433B, 433E, dan 433F Kanun Tanah Negara [selepas ini disebut sebagai *Akta 56*] orang-orang yang bukan Warganegara/Syarikat Asing boleh memperolehi, dll., tanah hanya dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

3. PEMAKAIAN

3.1 Seksyen 433B memperuntukan seperti berikut:

“433B. Orang-orang yang bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing boleh memperolehi, dll., tanah hanya dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(1) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini atau dalam mana-mana undang-undang bertulis –

- (a)
- (b)

(c) tanah berimilik, atau mana-mana bahagian atau kepentingan mengenai tanah tersebut, boleh dipindahmilik atau dialirkan kepada, atau terletakhak pada, atau diwujudkan bagi memihak mana-mana orang atau badan sebagai “pemegang amanah”, atau untuk dua atau lebih orang atau badan sebagai “pemegang-pemegang amanah”, jika sekiranya pemegang amanah atau salah seorang daripada pemegang-pemegang amanah, atau jika sekiranya benefisiari atau salah seorang daripada benefisiari-benefisiari, ialah seorang yang bukan warganegara atau sebuah syarikat asing;

- (d)
- (e)

tetapi hanya selepas mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Negeri atas suatu permohonan bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing:”

4. PEMBATALAN

4.1 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Bil.1 Tahun 1995 berkenaan Garis Panduan Mengenai Pemilikan Tanah Oleh Warganegara/ Syarikat Asing di dalam Negeri Kedah Darul Aman berkaitan TANAH-TANAH YANG DIWARISI sahaja adalah dengan ini dibatalkan.

5. TARikh KUATKUASA

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

6. PENUTUP

6.1 Dengan keluarnya pekeliling ini, semua Pentadbir Tanah Daerah dan Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah Kedah bolehlah menerima dan memproses permohonan pemilikan tanah yang diwarisi oleh Warganegara/ Syarikat Asing setelah mendapat kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Setiap permohonan hendaklah diteliti supaya syarat-syarat dan prosedur-prosedur yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.

(DATIN PADUKA DATO' HAJJAH CHE BARNI BT. HJ. MOHD NOOR,

DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman.

No. Fail : PTG.KED.U / 33 (P) / 2009

Bertarikh : 21 Zulkaedah 1435

Bersamaan : 16 Oktober 2014